

<b>Headline</b>	<b>Perayaan etnik Sarawak, Sabah perlu diketengah</b>
<b>Date</b>	<b>21. May 2008</b>
<b>Media Title</b>	<b>Berita Harian</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>
<b>Circulation</b>	<b>217920</b>
<b>Readership</b>	<b>2083000</b>
<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Page No</b>	<b>8</b>
<b>Article Size</b>	<b>525 cm<sup>2</sup></b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



# Perayaan etnik Sarawak, Sabah perlu diketengah



BUDAYA: Hari Gawai dirai penuh meriah masyarakat pribumi di Sarawak dan Sabah.

Oleh Dr Sarjit Singh Gill

**T**UGAS dan tanggungjawab Datuk Seri Mohd Shafie Apdal adalah berat kerana kementeriannya menekankan komponen perpaduan, kebudayaan, kesenian dan warisan. Semua komponen itu mempunyai hubungan kait antara satu sama lain dan perlu diterokai dengan penuh minat serta kesabaran.

Langkah pertama yang perlu dilakukan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan itu ialah mentransformasikan kementeriannya supaya bersifat holistik menghubungkan rumpun kaum di Sarawak dan Sabah dengan penuh minat serta kesabaran.

Langkah pertama yang perlu dilakukan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan itu ialah mentransformasikan kementeriannya supaya bersifat holistik dan bukannya khusus untuk penduduk Semenanjung semata-mata. Banyak lagi budaya kelompok minoriti dari Sabah dan Sarawak yang perlu diketengahkan di Malaysia.

Perkongsian ilmu kebudayaan dan warisan ini cukup penting dipelajari oleh generasi muda agar mereka boleh menghargai, menghayati serta meraikan keunikan bak kata pepatah ‘kesatuan dalam kepelbagaian’ yang sering dilaung-laungkan pihak berkuasa.

Perlu ditegaskan bahawa kementerian berkewajipan perlu memberi perhatian kepada pembudayaan integrasi terutama dalam aspek sambutan perayaan, pembinaan muzium untuk kelompok minoriti, wacana kebudayaan dan sebagainya. Sudah tentu tugas ini mengambil masa dan perbelanjaan tinggi, tetapi ia perlu dijadikan aktiviti berterusan.

Kita perlu meraikan khazanah kebudayaan masyarakat Malaysia tanpa mengira tempat, bangsa dan fahaman politik. Semoga dalam pembentangan belanjawan 2009 kelak, kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada usaha pengekalan

perpaduan kaum dengan menyuntik eleme-nen kebudayaan, kesenian dan pemeliharaan serta pemuliharaan warisan.

Dalam hal ini, peruntukan untuk ke-menterian berkewajipan perlu ditambah dua kali ganda sekiranya kita benar-benar serius untuk membina modal insan yang berkualiti dalam kalangan pemikiran ma-syarakat Malaysia.

Semoga majlis Rumah Terbuka sempena sambutan perayaan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan serta perayaan kaum minoriti yang lain juga perlu diperluaskan di se-berkuantiti dalam kalangan pemikiran ma-syarakat Malaysia.

Semoga majlis Rumah Terbuka sempena sambutan perayaan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan serta perayaan kaum minoriti yang lain juga perlu diperluaskan di se-luruh Malaysia. Ia bertujuan agar masya-rakat kita terus menerus meraikan kepel-bagaian perayaan dalam suasana yang har-monis dan semangat perpaduan yang tinggi.

Sekiranya kita semua mengamalkan se-mangat kesederhanaan dalam kehidupan dan menghormati agama dan budaya ma-syarakat Malaysia yang multi etnik sifatnya, maka sudah tentu hubungan etnik yang erat akan tercapai dengan jayanya.

Apa yang jelas, sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan yang diraikan bulan ini dan menghormati agama dan budaya ma-syarakat Malaysia yang multi etnik sifatnya, maka sudah tentu hubungan etnik yang erat akan tercapai dengan jayanya.

Apa yang jelas, sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan yang diraikan bulan ini

Headline

**Perayaan etnik Sarawak, Sabah perlu diketengah**

Date

**21. May 2008**

Media Title

**Berita Harian**

adalah aktiviti kebudayaan yang disambut setiap tahun oleh masyarakat Sarawak dan Sabah. Rencana *Berita Harian* mengenai ‘Sambutan berganda Gawai, Pesta Kaamatan tingkat integrasi’ kelmarin cukup menarik dan perlu diberikan perhatian terutama kementerian berkenaan.

Ternyata kedua-dua perayaan ini mempunyai mesej penting kepada umum, namun kebanyakan ahli masyarakat masih mempunyai pengetahuan yang rendah mengenai kedua-dua perayaan itu.

Penulis pernah meraikan Hari Gawai yang disambut kaum Selakau di Kampung Pueh, Semantan pada 1999. Kaum Selakau adalah satu suku kaum Bidayuh. Namun mereka mendakwa berbeza daripada kaum Bidayuh yang lain. Antara perbezaannya, mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu Sarawak dengan baik berbanding suku kaum Bidayuh. Malah cara menyambut Hari Gawai juga agak berlainan. Pengalaman penulis merayakan Hari Gawai di rumah panjang Kampung Puteh adalah satutu memori indah yang mengupas kehidupan kelompok minoriti Dayak Selakau. Sebagai ahli antropologi, penulis gemar menghabiskan masa di Sabah dan Sarawak untuk mendalami keunikan budaya kelompok minoriti di sana yang tidak segan silu berkongsi budaya mereka. Mereka cukup memberikan penghormatan kepada tetamu. Inilah suatu perkara penting yang saya pelajari daripada masyarakat di Sabah dan Sarawak.

Antara warisan adat yang masih diamalkan ialah sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan yang amat penting bagi masyarakat pribumi Sarawak dan Sabah kerana menandakan berakhirnya musim menuai padi. Pada hari istimewa itu, penduduk mengadakan rumah terbuka bagi kaum keluarga dan sahabat handai. Ringkasnya, kedua-dua perayaan itu adalah hari paling meriah diraikan oleh masyarakat pribumi di negeri Sarawak dan Sabah.

Gawai ertiinya keramaian atau majlis bersuaka ria. Sebelum melakukan upacara Hari Gawai, seorang Tok Pawang akan membaca jampi serapah untuk meminta kebenaran dan semangat alam semula jadi (kepercayaan animisme) agar tidak mengganggu mereka sepanjang perayaan tersebut, di belakang kawasan rumah panjang. Selepas itu, tetamu akan dijemput untuk menjamu hidangan.

Selepas menjamu hidangan, penghulu kampung atau tuai ruai (ketua rumah panjang) akan mengucapkan selamat menyambut Hari Gawai dan menasihati golongan remaja agar mengekalkan adat mereka dan berkelakuan baik. Selepas itu, muzik tradisional seperti gong, gendang dan cak lempung akan dimainkan dan bermulalah pelbagai tarian Gawai yang mementingkan gaya kelembutan sepanjang masa. Pada masa yang sama, penghuni kaum Selakau akan memberi minuman tradisional seperti tuak dan langkau kepada hadirin dengan penuh mesra.

Perayaan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan menuntut kita menghargai budaya dan memastikan ‘semangat’ padi itu sentiasa dihormati. Oleh itu dalam kes Pesta Kaamatan, peranan Bobohizan cukup penting dalam mengetuai upacara menghormati semangat padi.

Pemilihan ‘Unduk Ngadau’ dalam sambutan Pesta Kaamatan dan ‘Kumang Gawai’ dari Hari Gawai juga perlu difahami sejarahnya. Bagi penulis, ia bukan sekadar pertandingan ratu cantik, akan tetapi memanifestasikan sumbangan wanita dalam memajukan keluarga, masyarakat dan negara.